



## PERJANJIAN PENYELIDIKAN (Perjanjian Menyimpan Rahsia)

PERJANJIAN ini dibuat pada ..... haribulan ..... tahun ..... Di ANTARA (nama penyelidik).....  
(No. Kad Pengenalan : ..... ) yang beralamat di .....

.....  
(selepas daripada ini disebut sebagai "Penyelidik") bagi satu pihak DAN (nama pegawai USAS):

.....  
(No.Kad Pengenalan):..... mewakili Universiti Sultan Azlan Shah yang beralamat di Pusat Pengurusan Penyelidikan & Perundingan, Universiti Sultan Azlan Shah, Kuala Kangsar, Perak Darul Ridzuan (selepas daripada ini disebut sebagai "Universiti") bagi satu pihak yang lain.

DAN (senaraikan) lain-lain penyelidik seperti tersenarai pada Lampiran (A), selepas ini setiap seorang yang tersebut di atas akan disebut sebagai "Penyelidik"

BAHAWASANYA Penyelidik adalah individu dalam kawalan pihak pengurusan Universiti Sultan Azlan Shah, dan Universiti Sultan Azlan Shah adalah sebuah Institusi Pengajian Tinggi Awam yang ditubuhkan di bawah Seksyen 8 Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 pada 01/01/2006 yang beralamat di Bukit Chandan, 33000 Bandar DiRaja, Kuala Kangsar, Perak Darul Ridzuan.

BAHAWASANYA perkara-perkara berikut membawa maksud seperti ternyata:

- "Dekan" merangkumi ketua sesuatu fakulti, institusi, sekolah atau pusat pengajian, atau ketua bahagian.
- "Kaedah dan Peraturan Penyelidikan" membawa maksud suatu garis panduan yang merangkumi kaedah-kaedah pengurusan penyelidikan serta perkara-perkara yang menyentuh Polisi Harta Intelek Universiti.
- "Naib Canselor" membawa maksud Naib Canselor Universiti Sultan Azlan Shah.
- "Penaja" membawa maksud pihak luar yang membiayai sesuatu Penyelidikan.
- "Penyelidik" membawa maksud pensyarah, pelawat akademik, pelajar atau pegawai universiti yang terlibat dalam penyelidikan.

- “Universiti” membawa maksud Universiti Sultan Azlan Shah.
- “Urusetia” membawa maksud Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Perundingan.
- “Jawatankuasa Penyelidikan Fakulti (JPF)” membawa maksud jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Dekan atau Timbalan Dekan Penyelidikan dan dianggotai oleh ahli akademik yang dilantik oleh fakulti.

BAHAWASANYA perjanjian ini hendaklah dibaca bersama dokumen, Kaedah dan Peraturan Penyelidikan, Polisi dan Perlindungan Harta Intelek dan arahan-arahan lain yang dikeluarkan dari semasa ke semasa oleh pihak Universiti.

Dan bahwasanya Penyelidik telah diluluskan dan diberi satu peruntukan kewangan daripada pihak Universiti atau Penaja (nyatakan) ..... untuk menjalankan penyelidikan dengan syarat-syarat yang telah dipersetujui.

## 1. AM

- 1.1 Bahwasanya, penyelidik maklum dan bersetuju semua maklumat dalam apa bentuk sekalipun yang berkaitan dengan penyelidikan bertajuk:

.....

(selepas daripada ini disebut sebagai “Penyelidikan tersebut”) adalah hak mutlak dan di bawah kawalan Universiti. Hak mutlak ini merangkumi maklumat termasuk yang belum dihebah kepada pihak luar Universiti, rahsia dagang, rekacipta, maklumat proprietari dan teknologi, pengetahuan dan pengalaman yang berkaitan.

- 1.2 Perjanjian ini hendaklah dibaca bersama dengan dokumen-dokumen [REDACTED] yang mana berkaitan.

## 2. TANGGUNGJAWAB

- 2.1 Bahwasanya, penyelidik tidak akan membuat hebahan atau membocor atau memberitahu pihak ketiga apa-apa maklumat, dokumen atau apa-apa yang berkaitan tanpa kelulusan daripada pihak Universiti.
- 2.2 Penyelidik akan menyerah balik semua maklumat, dokumen atau apa-apa yang berkaitan dengan Penyelidikan tersebut yang berada di bawah kawalan penyelidik

- kepada Universiti jika diminta berbuat demikian pada bila-bila masa atau setelah tamat perkhidmatan/pengajian.
- 2.3 Penyelidik semasa atau selepas tamat perkhidmatan/pengajian di Universiti, akan terus memberi kerjasama bagi memastikan semua bentuk maklumat, dokumen dan apa-apa yang berkaitan permohonan hak ke atas harta intelek oleh Universiti dalam atau luar negara diberikan kepada Universiti.
- 2.4 Penyelidik semasa atau selepas tamat perkhidmatan/pengajian akan memaklumkan dengan serta-merta kepada Universiti jika penyelidik mendapati pihak lain menggunakan atau memiliki maklumat, dokumen atau apa-apa yang berkaitan Penyelidikan tersebut tanpa kelulusan daripada Universiti.
- 2.5 Penyelidik semasa atau selepas tamat perkhidmatan/pengajian tidak akan membuat hebahan, membocor atau memberitahu pihak ketiga apa-apa maklumat, dokumen atau apa-apa yang berkaitan dengan Penyelidikan tersebut.
- 2.6 Penyelidik maklum, bersetuju dan akur bahawa Perjanjian ini adalah bagi mengikat, menjaga dan menjamin hak mutlak Universiti ke atas maklumat, dokumen atau apa-apa yang berkaitan dengan Penyelidikan tersebut.
- 2.7 Perjanjian ini tidak membawa maksud sebagai satu kontrak perjawatan atau perkhidmatan dengan Universiti.
- 2.8 Bahwasanya Perjanjian ini hendaklah dibaca bersama dengan dokumen Kaedah dan Peraturan Penyelidikan, Polisi dan Perlindungan Harta Intelek, dan arahan-arahan lain yang dikeluarkan dari semasa ke semasa oleh pihak Universiti.

### **3. TEMPOH MASA**

Perjanjian ini akan berkuatkuasa terus menerus tanpa had tempoh masa walaupun selepas penyelidik tamat perkhidmatan/pengajian di Universiti.

### **4. IKRAR**

Bahwasanya penyelidik menurunkan tandatangan pada tarikh seperti tercatat di atas, dan bersetuju dengan semua perkara yang dinyatakan dalam Perjanjian ini.

**BAGI PIHAK PENYELIDIK**

.....  
Nama

.....  
Tandatangan

.....  
No. Kad Pengenalan

.....  
Tarikh

.....  
Nama Saksi

.....  
Tandatangan Saksi

.....  
No. Kad Pengenalan

.....  
Tarikh

**BAGI PIHAK UNIVERSITI**

.....  
Nama

.....  
Tandatangan

.....  
No. Kad Pengenalan

.....  
Tarikh

.....  
Nama Saksi

.....  
Tandatangan Saksi

.....  
No. Kad Pengenalan

.....  
Tarikh

## LAMPIRAN (A)

## **SENARAI NAMA LAIN-LAIN AHLI DALAM PROJEK PENYELIDIKAN**

BERTAJUK.....

.....

Bahwasanya penyelidik menurunkan tandatangan pada tarikh seperti tercatat di atas dan bersetuju dengan semua perkara-perkara yang dinyatakan dalam perjanjian ini.

SAKSI

Nama Saksi:.....

No. Kad Pengenalan:.....

Tarikh:.....

## Tandatangan